

Malaysia cuba tern busi pasaran minyak sawit China

UM 30 MAR 2014
KUALA LUMPUR 29 Mac — Malaysia sedang berusaha untuk menembusi pasaran minyak sawit ke China yang mempunyai potensi besar bagi komoditi tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara itu dilihat sebagai pasaran baru untuk memperluaskan lagi pasaran komoditi tersebut.

Beliau berkata, China dikatakan sangat memerlukan minyak sawit di pelbagai sektor terutama dalam industri makanan.

“Kita sedang mencari pasaran baru. China memerlukan minyak sawit. Jadi, kita hendak menjual minyak sawit kepada mereka.

“Langkah itu dijangka dapat

membantu meningkatkan lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Teknologi Makmal Koridor Raya Multimedia di sini hari ini.

Perdana Menteri seterusnya berkata, barangan keluaran tempatan sukar untuk menembusi pasaran China kerana hasil keluaran negara tersebut dikatakan lebih baik dan murah.

Dalam pada itu, kata beliau, Malaysia turut mengalami kesukaran untuk menembusi pasaran minyak sawit di beberapa negara berikutan tarif yang tinggi dikenakan oleh negara terbabit.